

## ISU DAN CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN JAWI DI SEKOLAH

### [ISSUES AND CHALLENGES IN TEACHING AND LEARNING JAWI IN SCHOOLS]

SITI NUR AISYAH MOHD RAZALI<sup>1\*</sup> & MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Corespondent Email: P130193@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 05 October 2024

Accepted: 28 November 2024

Published: 30 December 2024

---

**Abstrak:** Tulisan Jawi telah dipinggirkan dalam mengikuti arus kemodenan ini dalam komuniti terutamanya di kalangan pelajar sekolah. Proses pengajaran dan pembelajaran menunjukkan kelemahan pelajar dalam penggunaan bahasa Jawi. Keperluan dan kepentingan kelangsungan perjuangan ini memerlukan usaha untuk memartabatkan tulisan jawi. Pelajar yang tidak boleh menulis Jawi menghalang proses pengajaran, guru dalam subjek Pendidikan Islam di mana mereka lebih gemar menggunakan tulisan rumi. Tulisan Jawi adalah tulisan yang penting dalam pendidikan Islam di Malaysia. Tulisan Jawi Zaaba adalah salah satu daripada pelbagai jenis tulisan Jawi yang mendominasi sistem ejaan Jawi pada abad ke-21. Jadi, peranan guru untuk mengekalkan tulisan Jawi dan meningkatkan kemahiran membaca dan menulis Jawi adalah penting. Dapatkan kajian adalah berdasarkan sorotan kajian lepas. Pembelajaran Jawi memberikan impak yang positif kepada guru serta murid di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kertas konsep ini akan membincangkan beberapa isu dan cabaran pengajaran dan pembelajaran jawi di sekolah serta cadangan untuk menangani masalah-masalah tersebut.

**Kata Kunci:** Tulisan jawi, Pendidikan islam, isu, cabaran, pengajaran dan pembelajaran.

**Abstract:** Jawi script has been marginalized in following the modern trend in the community, especially among school students. The teaching and learning process shows the weakness of students in using the Jawi language. The need and importance of continuing this struggle requires efforts to elevate Jawi script. Students who cannot write Jawi hinder the teaching process, teachers in the subject of Islamic Education where they prefer to use Roman script. Jawi script is an important script in Islamic education in Malaysia.. Zaaba Jawi script is one of the various types of Jawi script that dominate the Jawi spelling system in the 21st century. So, the role of teachers in maintaining Jawi script and improving Jawi reading and writing skills is important. The study findings are based on the highlights of previous studies. Learning Jawi has a positive impact on teachers and students in teaching and learning sessions. Therefore, this concept paper will discuss several issues and challenges in teaching and learning Jawi in schools as well as suggestions to address these problems.

**Keywords:** Jawi script, Islamic education, issues, challenges, teaching and learning.

---

**Cite This Article:**

Siti Nur Aisyah Mohd Razali & Mohd Isa Hamzah. (2024). Isu Dan Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Jawi Di Sekolah [Issues And Challenges In Teaching And Learning Jawi In Schools]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(3), 84-93.

## PENGENALAN

Tulisan jawi adalah satu lambang dan ciri peradaban kepada Tamadun Melayu. Ia memainkan peranan yang sangat besar bermula sebagai alat komunikasi dan seterusnya berkembang menjadi medium perantaraan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Tulisan jawi berevolusi hasil daripada kedatangan Islam ke Alam Melayu di Nusantara. Menurut Abdul Jalil (2012) tulisan Jawi telah wujud sejak sekitar tahun 1300 Masihi di Kepulauan Melayu. Abjad Arab yang diperkenalkan dan telah diubah menjadi sesuai dengan bahasa Melayu klasik lisan. Penulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri, satu sistem tulisan yang mengandungi 29 huruf Arab sedia ada dan huruf yang terdiri daripada lima huruf baru yang mewakili bunyi dalam bahasa Melayu iaitu cha (چ), nga (ڠ), pa (ڣ), ga (ڦ) dan nya (ڻ).

Setelah Islam berjaya menapak di Kepulauan Melayu, usaha-usaha mengembangkan ajaran Islam semakin pesat dilaksanakan dengan bersumberkan al-Quran dan hadis. Hal ini sama sekali memberi kesan kepada medium komunikasi yang diguna pakai pada ketika itu. Tulisan Jawi telah dijadikan alat utama dalam menyampaikan ilmu pengetahuan ketika itu. Tulisan Jawi berjaya menjadi satu identiti dalam masyarakat Melayu sehingga ia bukan sekadar berpengaruh dalam bidang penulisan dan persuratan, malah turut dijelmakan dalam kesenian dan budaya Melayu (Shakila et al., 2011). Sebagai contoh, tiang-tiang rumah, perabot dan perhiasan di rumah diukir dengan tulisan jawi. Menurut Rahman et al., (2016), masjid dan rumah orang Melayu dihiasi dengan kaligrafi yang membawa perkataan yang memuji Tuhan, seperti kalimah nama Allah, nama Nabi, dan surah seperti Yasin dan al-Fatihah.

Tulisan jawi juga merupakan warisan teragung dalam peradaban ilmu di Tanah Melayu sekaligus mampu melonjakkan martabat ketamadunan Melayu pada suatu ketika dahulu. Ketamadunan bangsa suatu masa dahulu yang terbentuk di dalam kitab-kitab jawi berperanan sebagai alat untuk mengasaskan akidah tauhid dalam alam Melayu. Malah tulisan jawi telah berkhidmat dengan cemerlang dalam dunia persuratan alam Melayu selama lebih 700 tahun sebelum digantikan dengan tulisan rumi yang diguna pakai pada hari ini (M. Husnan, 2018). Tulisan jawi telah menjadi saksi kepada naik turunnya sebuah tamadun, iaitu Tamadun Melayu.

## PERNYATAAN MASALAH

Tulisan jawi adalah lambang intelektual bangsa Melayu dan menjadi satu warisan yang sangat bernilai. Walaupun dasar negara Malaysia mengajar mata pelajaran Jawi, masih ramai generasi kini masih belum mahir membaca Jawi. Kementerian Pelajaran Malaysia (2021) menyatakan bahawa pihak kementerian komited mengangkat martabat tulisan Jawi dengan memperkenalkan pelajaran jawi melalui mata pelajaran pendidikan Islam. Pembelajaran jawi bagi sekolah rendah menekankan kemahiran literasi jawi selama dua tahun bagi pelajar tahap satu serta mempelbagaikan kemahiran tulisan jawi bagi tahap dua dan seterusnya.

Disebabkan wujudnya kelompongan dalam penguasaan tulisan jawi ini, ia telah memberi kesedaran kepada banyak pihak. Penguasaan tulisan Jawi di kalangan pelajar semakin menurun. Salah satu yang menyebabkan keadaan ini berlaku kerana berkurangnya guru yang berkebolehan. Guru pendidikan islam bertanggungjawab dalam memberi tunjuk ajar Pelajaran

jawi kepada murid namun disebabkan tidak mempunyai kemahiran yang betul, lebih ramai pelajar yang menganggap Pelajaran jawi itu susah.

Berdasarkan kajian Mohd Yusuf et al., (2012), generasi kini seolah tidak tertarik untuk membaca dan menulis jawi. Dengan penghentian pengeluaran akhbar jawi Utusan Melayu Mingguan, adalah jelas bahawa masyarakat Melayu hari ini kurang meminati tulisan jawi. Para guru yang menggunakan tulisan jawi juga bimbang tentang kelemahan dalam ejaan. Menurut Suhana Abd Hamid et al. (2016), akibat penurunan kemahiran tulisan Jawi pelajar sekolah kerana akibat persekitaran, minat pelajar dan tidak bertanggungjawabnya ibu bapa. Ia terbukti bahawa pelajar tidak menyokong serta motivasi yang kuat dari golongan ibu bapa untuk mempraktikkan serta menguasai kemahiran menulis jawi. Oleh itu, ibu bapa adalah orang yang paling dekat dengan anak-anak mereka dan boleh memberikan banyak manfaat jika mereka peka dengan tahap penguasaan anak mereka dalam tulisan Jawi. Ini kerana ibu bapa sangat mementingkan anak mereka menguasai akademik seperti sains, Matematik dan bahasa Inggeris sehingga memberi kesan kepada penguasaan tulisan Jawi.

Selain itu juga, penggunaan tulisan Rumi juga digunakan secara menyeluruh di kalangan masyarakat telah menyebabkan penggunaan tulisan Jawi tidak lagi digunakan. Menurut Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz (2020), Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 menetapkan tulisan Rumi sebagai bentuk tulisan bahasa Melayu sejak tahun 1956. Ini sepadan dengan menggunakan bahasa Rumi sebagai bahan tulisan dalam bermacam bidang, seperti pengajaran bahasa Melayu dan Inggeris, penulisan secara harian, dan lain-lain lagi.

## **DEFINISI TAJUK: ISU DAN CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN JAWI DI SEKOLAH**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, isu bermaksud persoalan atau krisis yang merupakan perkara penting dalam sesuatu perbincangan. Ia juga adalah suatu perkembangan yang kebiasaannya terjadi untuk mempengaruhi sesuatu benda pada masa jangka panjang dalam sesuatu organisasi. Manakala cabaran pula bermaksud situasi menguji kemampuan seseorang dan memerlukan kekuatan fizikal serta mental yang besar untuk menyelesaikannya sesuatu secara baik. Menurut Abd Rauf (2006) dalam Kamus Bahasa Arab – Melayu, cabaran dalam Bahasa Arab ditakrifkan sebagai "Tahaddu," yang merujuk kepada sesuatu yang mencabar dan mencabar keupayaan seseorang. Kemudian, pengajaran adalah satu aktiviti serta tugas yang dilakukan oleh pendidik dan pelajar mereka bersama-sama. Guru membuat perancangan pengajaran ini dengan teliti dan sistematik dengan menggunakan teknik atau kaedah pengajaran yang sesuai, membimbing, serta memotivasi murid untuk berusaha untuk belajar serta memperoleh pengetahuan dan penguasaan yang diperlukan.

Menurut Gergers (2005), pembelajaran ialah istilah yang merujuk kepada proses di mana pelajar boleh memperoleh kebolehan, kualiti dan pengetahuan yang boleh digunakan untuk kepentingan mereka sendiri. Pembelajaran juga adalah satu proses dimana untuk mengukuhkan tingkah laku, kemahiran, nilai, atau keutamaan yang baharu atau sedia ada masing-masing dan boleh melibatkan atau merangkumi sintesis maklumat yang berlainan. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2002), Pembelajaran merangkumi bidang kognitif

(pemikiran dan minda), afektif (perasaan dan emosi) dan psikomotor. Proses pengajaran formal semestinya tidak diperlukan untuk pembelajaran berlaku. Dengan cara yang sama, pengajaran tidak semestinya membawa kepada pembelajaran. Walau bagaimanapun, pengajaran yang baik biasanya membawa kepada pembelajaran yang berkesan. Secara keseluruhannya pembelajaran kognitif adalah merupakan proses pembelajaran yang penting kerana proses ini memberi penekanan dan fokus kepada prinsip pelbelajaran kognitif dan dapat menghasilkan atau mencipta perubahan tingkah laku yang baharu dalam proses pembelajaran. Pembelajaran kognitif juga menekankan pengalaman sedia ada sebagai tunjang utama pembelajaran yang berkesan dan mencapai objektif dalam merangsang ingatan lalau atau pengalaman sedia ada setiap individu.

## **ISU-ISU YANG BERKAITAN**

Pengajaran dan pembelajaran jawi di sekolah berada pada tahap membimbangkan apabila segelintir pihak yang tidak mementingkan dan menolak tulisan jawi. Antara beberapa isu yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran jawi adalah:

### **1. Pembelajaran Jawi di Sekolah Jenis Kebangsaan**

Isu pembelajaran tulisan jawi di Sekolah Jenis Kebangsaan, pembelajaran itu menjadi lebih teruk apabila Dong Zong, atau Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia, membuat memorandum yang menentangnya. Penolakan itu seolah-olah mencabar status bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai salah satu bahasa kebangsaan yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan (Sinar Harian, 2020). Dakwaan tersebut tidak perlu diwujudkan kerana tiada bukti menunjukkan bahawa tulisan Jawi mempunyai keupayaan untuk menunjukkan kesan kepada pengambilan agama Islam terhadap pelajar bukan Islam.

Menurut Yusuf Norli et al., (2021), pihak Dong Zong menekankan supaya pihak Kerajaan peka dan prihatin kepada suara orang ramai yang lain iaitu India dan Cina, agar pembelajaran dan SJK tidak lagi menggunakan tulisan Jawi dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4. Mereka juga telah setuju untuk memupuk pelbagai budaya dalam Masyarakat dengan memupuk seni tulisan dalam pelbagai kaum iaitu Jawi, Cina, Tamil dan suku kaum lain. Hal ini menyebabkan pembelajaran tulisan jawi perlu diterhadkan. Memandangkan ketidakpuasan kaum adalah punca masalah untuk mengekalkan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular, kes ini kurang diberi perhatian untuk mengurangkan konflik perkauman.

### **2. Dorongan ibu bapa**

Menurut Saimon et al., (2023), pelajar tidak dapat bantuan atau motivasi yang kukuh daripada ibu bapa untuk mempelajari dan menguasai kemahiran jawi. Hal ini akan menyebabkan pelajar akan merasa disisihkan dan dianggap tidak penting dalam kalangan keluarga, dan ini juga akan menyebabkan pelajar tidak mempunyai semangat atau motivasi yang positif untuk meningkatkan prestasi diri dalam pembelajaran terutamanya dalam mata pelajaran Jawi. Selain itu juga, menurut kajian Zakaria (2015) faktor utama yang lain juga adalah menunjukkan

kekurangan penerapan ilmu agama dalam institusi keluarga juga merupakan faktor yang besar yang menyumbang kepada kemenjadian murid. Disebabkan itu, mereka mengabaikan cara hidup Islam dalam institusi keluarga dalam kehidupan harian, dan secara tidak langsung ini juga menyumbang kepada faktor kemenjadian murid dalam pembelajaran terutamanya dalam mata pelajaran Jawi.

### **3. Persepsi pelajar tentang kesukaran mata Pelajaran Jawi**

Zurina Abdullah dan Adi Yasran (2020) kajian telah menunjukkan golongan sekarang hanya melihat pentingnya pembelajaran tulisan jawi dalam pendidikan sekolah. Malah tiada dorongan dari ibu bapa dan menanggap mata Pelajaran ini tidak penting juga menyebakan pelajar tidak tertarik untuk mendalaminya. Mohd Eezan dan Shahlan (2021) menyatakan pendapat bahawa perspektif seperti ini memberi kesan kepada minat dan keinginan murid untuk belajar dan menguasai tulisan jawi. Persepsi tidak baik kepada pelajaran Jawi disebabkan ia sukar dipelajari dan kerana ia tidak penting untuk dinilai dalam peperiksaan.

## **CABARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Pada masa kini, tulisan rumi merupakan tulisan rasmi yang digunakan di Malaysia. Menurut Akta 1963/1967 menyebutkan bahawa Bahasa Melayu hendaklah ditulis dalam tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi Negara. Peruntukan di dalam Akta ini yang relevan dengan tulisan Jawi ialah penggunaan tulisan Jawi. Walaupun tulisan Jawi tidak menjadi tulisan rasmi dalam konteks pentadbiran dan undang-undang, ia masih dibenarkan dan dipelihara dalam konteks budaya, agama, dan warisan. Oleh itu, usaha untuk mempromosikan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa diperjuangkan melalui penulisan. Penulisan Jawi akan dipinggirkan jika tiada perkembangan dengan baik. Antara cabaran masa kini yang dihadapi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran ialah:

### **1. Kekurangan kaedah / teknik sistem pengajaran Jawi**

Cabaran dalam menguasai tulisan jawi dalam bentuk bacaan dan penulisan bukan sahaja menyukarkan murid, tetapi juga guru yang mengajar mata pelajaran itu sendiri. Antara penyebab utama adalah kemahiran guru yang semakin berkurangan. Hal ini kerana, kaedah yang digunakan guru untuk mengajar adalah penyumbang utama untuk pelajar mendalami sesuatu ilmu. Menurut kajian Mohamad, N. F. D., & Baharudin, H. (2023), ada segelitir guru yang tidak dapat membezakan ejaan jawi lama dan moden walaupun telah diberi pendedahan sepenuhnya. Kerana pengajaran dan pembelajaran guru tidak berkesan dan tidak dapat menarik minat pelajar, pelajar juga merasakan tulisan Jawi sukar dipelajari. Selain itu, pembelajaran yang berterusan oleh guru gagal menimbulkan minat dalam tulisan Jawi (Hairul Aysa, 2010).

Penyelidikan menunjukkan bahawa faktor pengajaran dan pembelajaran guru yang kurang memuaskan untuk menarik minat pelajar adalah punca murid yang gagal dalam mata pelajaran yang dipelajari (Nur Syamira et al. 2017; Noor Asmina et al. 2019). Oleh itu, seseorang guru mesti mengambil pendekatan yang pelbagai supaya ia boleh menggalakkan

minat dan keseronokan murid belajar dan menggunakan pengetahuan. Ini secara tidak sengaja dapat secara langsung memartabatkan kemahiran bahasa Jawi murid lebih baik.

## **2. Kaedah baru dalam pembacaan Al-Quran**

Menurut Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. (2012), Antaranya ialah iqra', al-Barqi, dan al-Baghdadi, yang merupakan beberapa pendekatan baru untuk membaca Al-Quran. Kaedah iqra', misalnya, mengajar abjad al-Quran dengan membunyikan huruf hijaiyyah yang berbaris tanpa mengeja terlebih dahulu. Pelajar tidak didedahkan dengan nama huruf, jadi sesetengah daripada mereka tidak tahu nama huruf Arab yang sama dengan huruf jawi.

Walaupun teknik tersebut akan membantu pelajar dengan cepat membaca al-Quran dengan lancar, ia mungkin memberi kesan kepada keupayaan pelajar untuk mengenali huruf jawi, yang seterusnya akan membawa kepada kemahiran membaca dan menulis jawi. Oleh itu, tulisan jawi juga perlu diperkenalkan melalui kaedah dan teknik baru yang sepadan dengan kemajuan dalam kaedah pembelajaran Al-Quran.

## **3. Kesediaan Murid-Murid terhadap Subjek Jawi**

Menurut Ab. Halim (2018), sistem dan kaedah ejaan jawi yang sering berubah, telah menyebabkan pelajar pada masa kini keliru dan tidak berminat untuk mempelajarinya. Selain itu, menurut Muhammad Fuad dan Hafizhah (2022) salah satu kelemahan pelajar di sekolah menengah dan rendah adalah mereka tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis Jawi yang mencukupi untuk membaca buku teks Pendidikan Islam yang ditulis dalam huruf Jawi. Hal ini memberi cabaran kepada pelajar untuk memahami Jawi.

Menurut Naquiah Nahar (2016), dasar pendidikan pasca kemerdekaan yang ditetapkan oleh Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah mengubah tulisan Jawi. Pelajar keliru tentang pengkaedahan bahasa Jawi moden dan tradisional. Mereka berpendapat bahawa tulisan Jawi hanya digunakan dalam bidang Islam dan lebih rumit dan konservatif berbanding tulisan Rumi.

## **CADANGAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha untuk mengembalikan kegembilangan tulisan Jawi dengan memperkenalkan program J-QAF yang bermaksud Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang telah diwujudkan oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, bekas Perdana Menteri. Antara dasar dan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkaitan dengan program JQAF adalah:

- I. Dasar Pendidikan Negara - JQAF selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi intelektual, rohani, emosi, dan jasmani. Sebahagian daripada dasar ini menekankan pentingnya pendidikan agama dalam membentuk generasi yang berilmu, berakhlak mulia, dan berteraskan nilai-nilai Islam.

- II. Kurikulum Pendidikan Islam – Program JQAF merupakan komponen yang ditekankan di dalam Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah rendah.
- III. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) – Kementerian Pendidikan Malaysia juga bekerjasama dengan JAKIM untuk memastikan penyelarasan yang baik dalam pelaksanaan JQAF.

Berikut merupakan beberapa cadangan untuk mengatasi pengurangan kemahiran dan penguasaan jawi dalam kalangan masyarakat:

**a. Tulisan Jawi sebagai Bahasa Ilmu**

Sebagai organisasi yang bertanggungjawab untuk menetapkan standard ejaan jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) harus berperanan yang lebih aktif lagi dalam memajukan jawi. Penulis mencadangkan satu tulisan Jawi yang konsisten, dikenali sebagai "Ejaan Jawi Dewan," yang menunjukkan bahawa hanya DBP, bersama-sama dengan sokongan daripada tokoh-tokoh Jawi terkemuka, mempunyai kuasa untuk mengekalkan sumber bangsa Melayu. Perisian jawi perlu ditambahkan lagi oleh pihak atasan untuk menghasilkan lebih ramai lagi pelapis baru yang mahir jawi. Untuk memartabatkan tulisan jawi, badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Malaysia (PENJAWIM), Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Selangor (PENJAWIS), dan lain-lain harus menyokong dan mendukung usaha untuk memartabatkan tulisan jawi.

Dalam usaha untuk menumpu secara lebih dekat penggunaan tulisan jawi sebagai bahasa ilmu, tinjauan kepada guru telah dijalankan secara rawak. Menurut kajian Abu Bakar, Azrizan. (2022), penggunaan tulisan jawi pada masa kini, masyarakat dan kerajaan semakin kurang menggunakannya, dan ia semakin berkurangan. Dengan ketika ini, usaha untuk mempertahankan tulisan Jawi menjadi lebih mencabar. Langkah yang boleh dilakukan untuk menambah baik penggunaan tulisan jawi dalam golongan muda ialah menambah iklan tulisan jawi di papan kenyataan dan menambah maklumat yang menunjukkan bahawa tulisan jawi perlu ada di mana-mana. Selain itu, bahan tulisan jawi mesti dirancakkan sama ada secara talian atau bercetak. Selain itu juga, setiap sekolah rendah dan menengah harus menekankan jawi. Salah satu cara yang mungkin boleh dilakukan untuk meningkatkan penggunaan tulisan jawi di kalangan muda ialah mengadakan pertandingan tulisan jawi.

**2. Guru / Pengurusan Sekolah / Pentadbir**

Untuk memastikan sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah berjalan dengan baik, sekolah perlu bertanggungjawab dalam membentuk kemahiran dan menarik minat pelajar, sentiasa mengadakan aktiviti penulisan jawi untuk pelajar, serta kursus motivasi bagi membentuk minat pelajar. Antara yang berperanan penting dalam menjayakan pembentukan pelajar ini adalah guru Pendidikan Islam dimana mereka merupakan watak utama untuk mengajar mata Pelajaran jawi di sekolah.

Pencapaian sekolah yang cemerlang dan gemilang akan menghasilkan manfaat kepada

pendidik serta murid terutama sekali dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pihak sekolah perlu bekerjasama dalam memupuk nilai murni kepada seluruh organisasi sekolah tersebut untuk mewujudkan suasana yang harmoni serta persekitaran yang selasa kerana ia juga dapat menarik minat jika semua bekerjasama dalam membentuk kemahiran pelajar. Pihak pengurusan sekolah, pihak pentadbir, guru-guru adalah penggerak untuk transformasi sistem pendidikan negara untuk mencipta generasi yang bijak, berdikari dan berpegang teguh kepada agama.

Guru juga perlu menggunakan pola untuk mengekalkan minat murid dalam bahasa Jawi. atau prosedur PdPc. Asmaniza (2016) mengkaji pola amalan pengajaran PdPc dalam kajian di mana untuk menghasilkan PdPc yang berkualiti, berkesan dan bermakna, pola amalan pengajaran berteraskan Mudarris sangat penting. Pelbagai jenis usaha boleh disusun dan menampung kelopongan sebelum PdPc untuk mengelakkan murid bosan dan bising di dalam kelas.

Menurut Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, Azhar Md. Sabil dan Juanes Masamin (2016), guru mesti sentiasa kreatif dan kritis untuk menarik perhatian pelajar. Sebagai contoh, guru perlu berhati-hati apabila memilih strategi dan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan jenis kecerdasan yang diajar kepada pelajar mereka. Mengkaji konsep pembaharuan di dalam pengajaran Jawi seperti gamifikasi, penggunaan inovasi serta bahan bantu mengajar yang menarik seperti peta pemikiran dan peta minda, serta pelbagai aras soalan dan intonasi suara yang baik dalam kelas.

### **3. Ibu Bapa**

Ibu bapa merupakan watak utama dalam membentuk serta perkembangan anak-anak mereka. Ibu bapa yang gagal dalam mendidik anak mereka dengan mulia, akan mengakibatkan kecacatan keluarga iaitu dalam masyarakat itu sendiri. Tambahan pula, ibu bapa mestilah difahamkan dengan jelas mengenai tanggungjawab mereka iaitu dalam menjaga anak-anak dan pembentukan anak-anak bermula daripada institusi keluarga serta tidak mengharapkan guru semata-semata untuk mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada anak mereka.

Dalam menangani isu penguasaan jawi ini, ibu bapa main peranan dalam memberi tunjuk ajar kepada anak mereka di rumah. Mereka perlu bijak contohnya membahagikan masa bersama-sama anak-anak mereka. Hal ini kerana, mereka lebih mementingkan pekerjaan yang mengakibatkan tanggungjawab terhadap anak terabai. Oleh itu, mereka perlu mengimbangi kehidupan seharian dengan kerjaya untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan bukan sahaja di sekolah tapi mahupun juga di rumah. Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan Surat (2007) dalam kajiannya telah mendapati peranan ibu bapa dapat diinterpretasikan dengan penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan anak-anak boleh merubah dan mempengaruhi kemahiran belajar, terutamanya kemahiran bahasa Melayu, dengan cara yang terbaik.

### **4. Rakan sebaya / Masyarakat**

Cadangan yang seterusnya ialah rakan sebaya / masyarakat. Pelajar perlu bijak dalam memilih rakan sebaya kerana segelintir dari mereka cenderung untuk bawa ke arah keburukan. Rakan

adalah orang yang paling rapat dengan pelajar di sekolah dan juga di rumah. Rakan sebaya yang positif akan menasihati rakan sebaya mereka untuk melakukan perkara yang akan membanggakan sekolah dan memberi manfaat kepada pelajar dan orang lain dan memastikan pencapaian yang cemerlang akan dicapai bersama-sama. Selain itu, rakan sebaya yang positif adalah yang mengajak untuk mendalami ilmu bersama, berkongsi pendapat, semangat dan membantu antara satu sama lain.

Masyarakat bertanggungjawab dalam menyediakan beberapa inisiatif bagi membantu generasi yang seterusnya untuk menyambung penulisan jawi agar tidak ditinggalkan. Institusi sosial yang ditubuhkan oleh masyarakat seperti masjid, surau perlu mengadakan program-program atau apa-apa pertandingan bagi mengisi jiwa anak muda dalam memperkasakan Jawi. Semua lapisan masyarakat mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membantu generasi seterusnya dalam melahirkan generasi yang unggul di masa hadapan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, isu dan cabaran pengajaran dan pembelajaran jawi pada masa kini perlu dititikberatkan bagi memantapkan lagi kemahiran jawi pada generasi kini dan masa akan datang. Tulisan Jawi sepatutnya berfungsi sebagai alat untuk mewujudkan perpaduan penduduk Malaysia dan bukannya menjadi bahan politik kepada pihak tertentu atau terus dianggap sebagai tulisan keagamaan khas untuk orang Islam. Ia perlu diperkembangkan lagi dan di ‘aktif’kan kembali setelah dipandang tulisan Jawi antara tulisan dunia yang telah kekal dan bertahan hingga ke hari ini. Namun, ia memerlukan sokongan daripada semua lapisan masyarakat memupuk rasa cinta dan sayang kepada tulisan jawi.

Seperti yang dinyatakan dalam pepatah Melayu, "Kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya," penguasaan bahasa Jawi mesti dipelajari oleh semua orang yang terlibat, termasuk ibu bapa, murid, dan pengurusan dan kepimpinan sekolah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh kajian yang dijalankan oleh Wan Tikah pada tahun 2002, ibu bapa atau keluarga memainkan peranan yang besar dalam mengekalkan keindahan Jawi ketika dari zaman kanak-kanak. Ini dilakukan untuk mempertahankan warisan dalam ketamadunan Melayu dengan gaya Islam di Malaysia. Selain itu, kerana mereka adalah penggerak perubahan dan pendukung pendidikan, guru mempunyai peluang yang lebih baik untuk memastikan semua pelajar menerima pendidikan berkualiti tinggi.

Menurut Ibrahim, Rasyidah et al., (2019), tulisan Jawi diperkasakan dari dulu sehingga kini dengan pelbagai cara dan tujuan untuk mengekalkan penggunaannya dan terus dipelajari dari generasi ke generasi. Ia menunjukkan tulisan jawi penting untuk dipelajari tanpa mengira umur. Namun, masih ada generasi kini yang tidak pasti tentang tempat tulisan jawi sebagai warisan penting yang telah ditinggalkan kepada mereka iaitu sebagai anak jati orang Melayu. Oleh itu, untuk menangani tulisan jawi, yang merupakan cabaran kepada bahasa dan bangsa Melayu sendiri, orang Melayu hari ini perlu mengorak langkah untuk berdepan dengan cabaran dan berusaha untuk memartabatkan bahasa serta bangsa Melayu di mata dunia.

## RUJUKAN

- Abd Hamid, S., Mohamad, A. M., & Ahmad, A. 2001. Statistik Penguasaan Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 2: 50-63.
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. 2018. Tinjauan terhadap cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Journal of Techno-Social* 10(1): 57-62
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. 2012. Cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Journal of Techno-Social* 4(2): 81-88.
- Amrina Kamaruzaman & Nik Abdullah, Nik Md Saiful Azizi. 2019. Penulisan Jawi dalam Mata Pelajaran Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah di Peringkat Menengah; Isu dan Cabaran. *Jurnal Kias* 14: 1-20.
- Azrizan Abu Bakar. 2022. Cabaran Tulisan Jawi Dalam Revolusi Industri 4.0. *Prosiding Kolokium STREM PdPc*, hal. 1-9
- Ibrahim, R., Embong, R., Kadir, F. K. A., & Hashim, H. A. 2019. Pemerkasaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 29-37.
- Mesman, N. S., Majid, Z. A., & Harun, D. M. 2022. Cabaran Dan Peranan Ibu Bapa Dalam Memperkasakan Pembelajaran Jawi Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(2): 1-12.
- Mohamad, N. F. D., & Baharudin, H. 2023. Cabaran Guru Kelas Agama Fardu Ain Sekolah Rendah Agama Dalam Pembelajaran Tulisan Jawi. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 9(1): 59-69.
- Nahar, N., & Safar, J. 2016. Amalan pengajaran Jawi dalam pendidikan masa kini: Suatu Tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(2): 70-85.
- Saimon, A., Fauzi, S. N. S. M., Zafri, N. Z., Ibrahim, N. A. I., & Abd Halim, N. A. 2023. Tahap penguasaan Tulisan Jawi dalam kalangan murid tahun 4 di sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA* 14(2): 71-82.
- Tamyis, M. M., Suppian, Z., Ghazali, N. H. C. M., & Sathianarayanan, P. 2022. Pelaksanaan Kurikulum Jawi di Sekolah Rendah: Suatu Penilaian Input: Implementation of Jawi Curriculum in Primary Schools: An Input Evaluation. *PENDETA* 13(2): 13-24.
- Yusuf, N., Hassan, M. S., Lokman, T. M. W., & Mustaffa, F. 2021. Pembingkaian akhbar online mengenai isu bantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan* 6(1): 95-109.